

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/27 ( 57 )

28 November 2024  
26 Jamadilawal 1446

## SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL.7/2024

**Semua Staf Akademik**

**Fakulti Alam Bina dan Ukur**

**Fakulti Kejuruteraan Awam**

**Fakulti Kejuruteraan Elektrik**

**Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga**

**Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

**Fakulti Komputeran**

**Fakulti Pengurusan**

**Fakulti Sains**

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**

**Fakulti Sains Pendidikan Dan Teknologi**

**Fakulti Kecerdasan Buatan**

**Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim**

**Malaysia-Japan International Institute of Technology**

**Universiti Teknologi Malaysia**

## PEMAKLUMAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK UNIVERSITI

Dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan bagi jawatan pentadbir akademik di Fakulti, Universiti Teknologi Malaysia seperti berikut:

<b>Fakulti</b>	<b>Jawatan</b>
Fakulti Alam Bina dan Ukur	1. Pengurus Penyelidikan 2. Pengurus (Kualiti dan Strategi) 3. Ketua Jabatan, Jabatan Senibina Lanskap
Fakulti Kejuruteraan Awam	1. Dekan 2. Pengurus (Hubungan Luar dan Global)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	1. Pengurus (Hubungan Luar dan Global)
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	1. Pengurus (Hubungan Luar dan Global)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	1. Pengurus (Hubungan Luar dan Global)
Fakulti Komputeran	1. Pengurus (Hubungan Luar dan Global)
Fakulti Pengurusan	1. Pengurus (Hubungan Luar dan Global) 2. Pengurus Penyelidikan
Fakulti Sains	1. Pengurus (Hubungan Luar dan Global) 2. Pengurus Akademik (Program Luar) 3. Pengurus Penyelidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	1. Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan) 2. Pengurus Akademik (Program Luar) 3. Pengurus Penyelidikan 4. Pengurus (Kualiti dan Strategi)
Fakulti Sains Pendidikan Dan Teknologi	1. Dekan 2. Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar)

<b>Fakulti</b>	<b>Jawatan</b>
	3. Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan) 4. Pengurus (Hubungan Luar dan Global) 5. Ketua Jabatan, Jabatan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Termaju 6. Ketua Jabatan, Jabatan Teknologi Pembelajaran Termaju 7. Ketua Jabatan, Jabatan Pendidikan Sains dan Matematik Inovatif 8. Ketua Jabatan, Jabatan Pengajian dan Sains Tingkahlaku 9. Pengurus Akademik (Program Luar) 10. Pengurus Penyelidikan 11. Pengurus (Kualiti dan Strategi)
Fakulti Kecerdasan Buatan	1. Pengurus (Hubungan Luar dan Global)
Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	1. Pengurus (Hubungan Luar dan Global)
Malaysia-Japan International Institute of Technology	1. Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) 2. Pengurus Akademik (Program Luar) 3. Pengurus (Kualiti dan Strategi) 4. Pengurus Penyelidikan

2. Pihak pengurusan Universiti telah menetapkan bahawa proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dan kekosongan jawatan haruslah dimaklumkan bagi membolehkan semua staf akademik Universiti yang berminat mengemukakan permohonan.

3. Bagi memastikan kelestarian kepimpinan Pentadbir Akademik, berikut adalah kompetensi kepimpinan yang diperlukan:

- i) **Jaringan dan Kolaborasi Strategik:** Kebolehan membangun, mengekal dan mengukuhkan jaringan dan kolaborasi menang-menang dengan rakan strategik mengikut pelan strategik jangka panjang untuk meningkatkan keterlihatan dan kredibiliti/ pengiktirafan Universiti.
- ii) **Perancangan Strategik:** Kebolehan untuk membangun, melaksanakan dan menilai hasil pelaksanaan pelan jangka panjang mengikut pelan strategik jangka panjang yang ditetapkan bagi merealisasikan visi dan misi Universiti.
- iii) **Meneraju Perubahan:** Kebolehan untuk menjangka, menerima dan memandu perubahan yang berterusan dan kekal relevan bagi mengekalkan daya saing dan kecemerlangan universiti.
- iv) **Pengurusan dan Pembangunan Organisasi:** Kebolehan memahami dan menilai aspek-aspek yang menyumbang kepada kecemerlangan organisasi berdasarkan standard sistem pengurusan kualiti bagi meningkatkan daya saing Universiti.
- v) **Kemahiran Membuat Keputusan:** Kebolehan memahami, merancang, melaksana dan menganalisis kaedah dan pendekatan yang berkesan, tepat dan berkualiti bagi menghasilkan keputusan terbaik untuk mencapai kecemerlangan organisasi.
- vi) **Integriti:** Menunjukkan kesungguhan mengamalkan nilai-nilai murni dalam semua keadaan termasuk kata-kata, tingkah laku, tindakan dan keputusan yang dibuat berpandukan ketelusan, justifikasi yang jelas, pematuhan peraturan dan etika.

4. Sehubungan dengan itu, staf akademik yang berminat boleh mengemukakan permohonan sebelum **12 Disember 2024** melalui [pautan ini](#), untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut.
5. Permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan lampiran berikut:
  - i) *Curriculum Vitae* yang lengkap dan terkini;
  - ii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
  - iii) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Fakulti dan Universiti.

6. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah